

Dr Mahathir selamat jalani prosedur perubatan elektif di IJN

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, selamat menjalani prosedur perubatan elektif di Institut Jantung Negara (IJN), kelmarin.

Ia berjaya dilakukan oleh sepasukan doktor dari IJN dan Pusat Perubatan Universiti Ma-

laya (PPUM).

IJN dalam satu kenyataan, semalam, memaklumkan prosedur perubatan ke atas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) itu berjalan lancar seperti yang dirancang.

“Keadaan Dr Mahathir ketika ini semakin pulih. Beliau juga

sudah sedar sepenuhnya dan bersemangat tinggi.

“Berdasarkan perkembangan klinikal semasanya, beliau dijangka boleh keluar dari wad IJN dalam masa beberapa hari lagi,” menurut kenyataan itu.

Jumaat lalu, Dr Mahathir sekali lagi dimasukkan ke IJN,

hanya 16 hari selepas beliau keluar dari pusat perubatan itu pada 23 Disember.

Beliau dilaporkan dimasukkan ke IJN kerana perlu menjalani prosedur perubatan elektif.

Dalam pada itu, IJN turut memaklumkan susulan prosedur

operasi standard (SOP), tiada pelawat dibenarkan untuk melawat Dr Mahathir di pusat perubatan terbabit, buat masa ini.

Katanya, Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan dan doa orang ramai.